

Hormati tugas polis: PM

BH 17 DEC 1991

KUALALUMPUR, Isnin — Negara dan rakyat wajar memberi penghargaan paling tinggi kepada pasukan polis kerana berjaya mengekalkan keamanan di negara ini dan bukannya bertindak mencela dan mempermainkan mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, adalah fihak adil apabila ada pihak yang mempermainkan tanggungjawab polis dengan merayakan kematian mereka yang dianggap sbagai sia-sia.

"Malaysia amat berna-sib haik kerana mampu mengekalkan keamanan dan dalam hubungan ini, kita kerap lupa bahawa ia adalah kerana pengor-banan polis dan kerana itu juga, kita tidak tahu menghargainya.

"Rakyat hanya tahu makna nikmat keamanan apabila keselamatan negara ini terancam, severti yang berlaku di beberapa negara di dunia ini," katanya.

Berucap merasmikan Majlis Penganugerahan Polis Diraja Malaysia 91 di sini hari ini, beliau berkata, jika rakyat terus tidak menghargai khidmat

dan memusuhi polis, di-khuatiri mereka akan kecewa dan tidak menggunakan senjata walaupun apabila diserang.

"Kita bimbang jika aliran kumpulan yang menyerang polis menggunakan senjata dianggap satu kejayaan, ia akan menjadi ikutan kepada kumpulan lain untuk menentang polis.

"Kalau polis sudah tidak boleh menggunakan senjata dan muncul pula kumpulan yang berlelu-asa menggunakan senjata, kita takut negara menjadi huru-hara," katanya.

Polis, katanya, hanya menggunakan senjata pada waktu tertentu apabila menghadapi peng-ganas, perompak dan orang yang menyerang dengan senjata.

Menurutnya, tindakan polis hanya untuk menye-lamatkan orang awam dan amat mer-yedihkan apabila ada pihak yang menyifatkan polis yang ditem-bak mati sebagai "kematian yang sia-sia".

Katanya, polis negara ini tidak ganas dan amat berhati-hati menggunakan senjata mereka walaupun diberi kuasa meng-enainya, berbanding

polis sesetengah negara lain.

Bagaimanapun, ka-tanya, tidak dapat dinafi-kan ada segelintir anggota polis yang cuai tetapi pada amnya, pasukan itu berjaya menjalankan tu-gas dengan sempurna dan bertanggungjawab.

"Walaupun negara mempunyai tentera untuk menjaga keselamatan, polis berjaya menjadi pasu-kan separatentera bagi membanteras ancaman dari dalam negeri.

"Hari ini kita tidak lagi menghadapi ancaman peng-ganas Komunis dan ia adalah satu kejayaan kepada pasukan kesela-matan," katanya.

Sehubungan itu, ka-tanya, kerajaan sebagai mewakil rakyat, meng-ulang penghargaannya dan b'ngga dengan keja-yaan rta' sumbangan polis.

Bercakap kepada pem-berita kemudian, Perdana Menteri menjelaskan be-kas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang meletak senjata, perlu menggugurkan ideologi komunis mereka jika mahu masuk ke negara ini.